

23/06/2002

Hasmah tergamam dengar keputusan Dr Mahathir

ahanid

KUALA LUMPUR: Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tergamam apabila suaminya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat pengumuman mengejut meletakkan semua jawatan dalam Umno dan Barisan Nasional (BN).

Reaksi Dr Siti Hasmah itu diceritakan oleh Datin Seri Rosmah Mansor, isteri Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak, yang duduk di sebelah isteri Perdana Menteri ketika beliau membuat pengumuman itu.

Rosmah berkata, Siti Hasmah yang duduk bersama barisan isteri ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno pada aras lima, terdiam seketika.

"Saya terus memegang tangan Datin Seri dan berkata kami masih memerlukan dia (Dr Mahathir) sambil saya menitiskan air mata.

"Berdasarkan reaksi awal Dr Siti Hasmah itu, saya percaya isteri Perdana Menteri tidak menyangka suaminya akan membuat pengumuman sedemikian," katanya di PWTC, semalam.

Rosmah bagaimanapun berkata, Dr Siti Hasmah tidak menitiskan air mata, sebaliknya bergegas turun untuk bersama suaminya di pentas utama Dewan Merdeka.

"Saya kagum dengan semangat dan ketabahan Dr Siti Hasmah yang langsung tidak menitiskan air mata," katanya.

Sementara itu, isteri Pengerusi Tetap Umno, Tun Sulaiman Ninam Shah, Toh Puan Rose Othman lega dengan keputusan Presiden Umno menarik balik hasratnya untuk meletakkan jawatan.

"Mula-mula saya dengar, saya terkejut dan risau kalau-kalau berita itu turut memeranjatkan Tun dan menyebabkan kesihatannya terganggu," katanya.

Isteri Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Puan Sri Noraini Abdul Rahman, pula berkata suasana di ruang tempat duduk khas untuk isteri ahli MT senyap seketika apabila Dr Mahathir membuat pengumuman menggemparkan itu.

"Semua isteri ahli MT terdiam seketika dan terus memandang ke arah Dr Siti Hasmah," katanya.

Di PULAU PINANG, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata Dr Mahathir masih diperlukan untuk menerajui BN dan kerajaan.

Sehubungan itu, beliau dan parti itu merayu Perdana Menteri menarik balik keputusannya untuk melepaskan semua jawatan dalam Umno, BN dan kerajaan.

"Kami merayu kepada Dr Mahathir untuk terus menjadi Pengerusi BN, Presiden Umno dan Perdana Menteri.

"Bagi pihak Gerakan dan negara, kami merayu Dr Mahathir supaya menimbang semula keputusannya itu," katanya ketika dihubungi di sini, petang ini.

Di KOTA BHARU, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata beliau belum dapat memberi komen spontan berhubung hasrat Dr Mahathir untuk meletak jawatan kerana tidak mengikuti pengumuman itu.

Katanya, beliau kini di Patani, Thailand atas urusan rasmi.

"Saya tidak dapat komen kerana tidak tengok atau dengar pengumuman yang dibuat Presiden Umno itu. Saya tidak tahu apa sebenarnya yang berlaku... cuma dimaklumkan menerusi telefon mengenai pengumuman Dr Mahathir meletak jawatan," katanya ketika dihubungi di Patani, Thailand, lewat petang semalam.

Nik Abdul Aziz dijangka pulang ke Kelantan hari ini dan mengeluarkan kenyataan rasmi berhubung pengumuman Dr Mahathir itu.

Di SUNGAI PETANI, abang Dr Mahathir, Mashahor hanya menyedari berita peletakan jawatan itu apabila menonton berita jam 8 di televisyen.

Menantunya, Syed Lutfi Syed Mohamad, berkata bapa mentuanya tidak mengikut siaran langsung penggulungan Dr Mahathir pada perhimpunan itu kerana membaca Yassin di biliknya.

"Beliau hanya tahu mengenai berita itu apabila menonton televisyen, lalu bertanyakan kepada kami.

"Begitupun, kami menjelaskan kepadanya Dr Mahathir sudah dipujuk dan menarik balik peletakkan jawatannya itu," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, bapa mentuanya tenang mendengar penjelasan daripada keluarganya.

Syed Lutfi berkata, beliau mulanya tidak menyangka keadaan kelam-kabut pada perhimpunan itu disebabkan pengumuman Dr Mahathir itu.

"Saya mulanya menonton perlawanan bola sepak antara Korea dan Sepanyol sebelum beralih kepada siaran langsung perhimpunan itu.

"Mulanya, saya sangka Dr Mahathir mungkin tidak sihat sehingga menimbulkan keresahan perwakilan kerana saya tidak memberi sepenuh tumpuan kepada siaran itu.

"Namun, apabila melihat ramai perwakilan menangis baru saya memberi tumpuan dan tahu apa yang berlaku.

"Kami sekeluarga terkejut tapi lega dengan pengumuman yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri," katanya.

Di JOHOR BAHRU, Ketua Pemuda Umno Johor, Ayub Rahmat, berkata Dr Mahathir sewajarnya melupakan hasrat untuk meletak jawatan kerana bangsa Melayu dan ahli Umno khususnya, masih memerlukan kepimpinan beliau.

Katanya, pengumuman itu memberi isyarat kepada Pemuda supaya lebih kuat, kukuh dan sedia berdepan pelbagai cabaran hebat sekali gus menangani kelemahan yang ada pada masa mendatang.

"Ia juga memberi ingatan kepada Pemuda sebagai pemimpin pelapis untuk berjuang dengan bersungguh-sungguh, jujur serta ikhlas menangani segala kelemahan.

"Kekuatan itu juga dapat memastikan Pemuda memperjuangkan dengan yakin nasib anak bangsa Melayu supaya suatu hari nanti ia mampu berdiri dengan teguh dan gagah di atas kaki sendiri," katanya.

(END)